

Masa: 2 Jam

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih jawapan yang betul.

Apabila nun sakinah dan tanwin bertemu dengan salah satu huruf hijaiyah ن atau ن.

- 1 Pernyataan di atas merujuk kepada hukum \_\_\_\_\_.  
A iklab  
B idgham maal ghunnah  
C idgham bila ghunnah  
D izhar halki

- 2 Pilih kalimah yang mengandungi hukum iklab.

A وَأَجَلٌ مُّسَمًّى  
B مِّنْ عَائِلَةٍ  
C مِّنْ بَعْدِهِمْ  
D مِّنْ قَبْلِهِمْ

- 3 Antara berikut yang manakah cara mengukuhkan persaudaraan melalui lisan?

A Membantu mereka yang memerlukan  
B Mengucapkan salam setiap kali bersua dan berpisah  
C Menunaikan solat secara berjemaah  
D Bersangka baik terhadap orang lain

- 4 Berikut merupakan ciri-ciri orang bertakwa kecuali

A sentiasa memohon keampunan Allah SWT.  
B menafkahkan harta pada jalan Allah SWT.  
C sentiasa mengawal kemarahan.  
D berdendam terhadap orang lain yang melakukan kesalahan.

Seorang bapa menegur anaknya yang sering melewat-melewatkan solat fardu.

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada mencegah kemungkaran dengan \_\_\_\_\_.

A tindakan C tangan  
B hati D lisan

- 6 Maksud al-Qawiy menurut bahasa ialah \_\_\_\_\_.

A yang menentukan  
B yang memberi rezeki  
C yang gagah  
D yang adil

- 7 \_\_\_\_\_ ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Berkuasa menentukan sesuatu perkara berdasarkan kehendak dan ilmu-Nya.

A Al-Musawwir  
B Al-Alim  
C Al-Qawiy  
D Al-Qadir

- 8 Pilih pernyataan yang **salah** mengenai bukti Allah SWT bersifat al-Qadir.

A Allah SWT berkuasa menukarkan siang dan malam  
B Allah SWT berkuasa ke atas orang Islam sahaja  
C Allah SWT menguasai seluruh alam  
D Allah SWT berkuasa mencipta langit dan bumi

Menyampaikan wahyu kepada para rasul.

- 9 Pernyataan di atas merujuk kepada tugas malaikat \_\_\_\_\_.

A Mikail C Jibrail  
B Izrail D Israfil

- 10 Apakah hukum melakukan solat fardu secara berjemaah bagi komuniti setempat?
- A Wajib C Harus  
B Fardu kifayah D Sunat muakkad

- Pemimpin
- Imam yang dilantik pemerintah
- Lebih fasih bacaan al-Quran

- 11 Pernyataan di atas menerangkan \_\_\_\_\_.  
A ciri keutamaan menjadi imam  
B syarat solat berjemaah  
C syarat sah menjadi imam  
D syarat menjadi imam
- 12 Bilangan minimum jemaah bagi syarat sah solat Jumaat ialah \_\_\_\_\_.  
A 30 orang C 40 orang  
B 60 orang D 80 orang
- 13 Pilih syarat-syarat solat berjemaah.  
I Makmum berniat mengikut imam  
II Makmum mengetahui pergerakan imam  
III Kedudukan makmum di belakang imam  
IV Makmum boleh mendahului imam  
A I, II, dan III  
B II, III, dan IV  
C I, III, dan IV  
D II dan IV
- 14 Pusat penyebaran Islam ketika dakwah secara sulit ialah \_\_\_\_\_.  
A di rumah Ali bin Abi Talib  
B di rumah Arqam bin Abi al-Arqam  
C di Masjidil Haram  
D di pasar-pasar
- 15 Manakah antara pernyataan berikut berkaitan dakwah Nabi SAW secara sulit?  
A Mengadakan pengucapan awam mengajak masyarakat Mekah beriman  
B Menyeru keluarga terdekat dan sahabat rapat  
C Meminta umat Islam berhijrah ke Habsyah  
D Mengadakan jamuan makan

- 16 Hijrah ialah perpindahan Rasulullah SAW dan umat Islam dari \_\_\_\_\_.  
A Mekah ke Madinah  
B Madinah ke Mekah  
C Mekah ke Taif  
D Madinah ke Habsyah

- 17 Sahabat yang berhijrah bersama-sama Rasulullah SAW ke Madinah ialah \_\_\_\_\_.  
A Sayidina Ali bin Abi Talib  
B Sayidina Usman bin Affan  
C Sayidina Umar bin al-Khattab  
D Sayidina Abu Bakar al-Siddiq

Berasa aib atau perasaan tidak selesa untuk melakukan sesuatu yang buruk kerana tidak mahu dihina.

- 18 Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.  
A malu  
B jujur  
C kasih sayang  
D istiqamah

- 19 Berikut adalah sifat malu yang dituntut **kecuali** \_\_\_\_\_.  
A malu melakukan perkara maksiat.  
B malu melanggar perintah Allah.  
C malu meninggalkan perkara sunat.  
D malu bertanya guru.
- 20 Manakah antara berikut merupakan cara beradab dengan ibu bapa dalam aspek percakapan?  
A Ceria dan selalu menunjukkan muka manis  
B Menjaga dan merawat ibu bapa yang sakit dan tua  
C Selalu menziarahi ibu bapa yang tinggal berjauhan  
D Menggunakan nada suara dan intonasi yang lemah lembut

**Bahagian B**  
**Kefahaman Ayat dan Hadis**  
[20 markah]  
Jawab **semua** soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

(Surah Ali-Imran: 103)

Ayat di atas menerangkan kepentingan bersatu padu dalam kehidupan bermasyarakat.  
Senaraikan **dua** cara mengukuhkan persaudaraan melalui hati.

[2 markah]

(b) Padankan potongan ayat di bawah dengan maksud yang betul.

(i) وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ

Maka dengan nikmat Allah itu kamu menjadi orang Islam yang bersaudara

(ii) فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ

Lalu Allah menyatukan hati-hati kamu

Dan kenanglah nikmat Allah kepadamu

[2 markah]

(c) Tandakan (✓) pada pernyataan betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai hikmah persaudaraan Islam.

| No.   | Pernyataan                                                       | ( ✓ ) atau ( X ) |
|-------|------------------------------------------------------------------|------------------|
| (i)   | Menenteramkan jiwa kerana semua orang saling menyayangi          |                  |
| (ii)  | Memupuk rasa persaudaraan dan kasih sayang dalam setiap jiwa     |                  |
| (iii) | Lahir masyarakat yang tidak bersyukur atas kurniaan Allah        |                  |
| (iv)  | Membentuk keluarga bahagia kerana wujud sikap saling menghormati |                  |

[4 markah]


(d) Jelaskan pengajaran yang dapat diambil daripada ayat di atas.

[2 markah]

2 (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.  
(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang tanggungjawab mencegah kemungkaran.  
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

**Maksiat berleluasa berikutan jahil agama**

Amar makruf dan nahi mungkar adalah matlamat utama negara dalam kesinambungan umat dan tujuan Allah melantik manusia sebagai khalifah di dunia.

07 November 2019 (Berita Harian)

(b) Berdasarkan tajuk akhbar di atas,

Huraikan hujah anda mengapa amar makruf dan nahi mungkar sangat penting dalam kehidupan masyarakat Islam.

---

---

---

---

[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Sesungguhnya orang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu. Bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

---

---

---

---

[4 markah]

**Bahagian C**  
**Akidah**  
[20 markah]  
Jawab **semua** soalan.

3 (a) Nyatakan maksud al-Qadir.

---

---

[2 markah]

(b) Garis jawapan yang betul dalam kurungan.

- (i) Allah SWT berkuasa memberi ( keampunan/rezeki ) kepada sesiapa sahaja yang berusaha mencarinya.
- (ii) Allah SWT berkuasa mengazab sesiapa yang melakukan dosa dengan ( nikmat/azab ) yang sangat pedih.
- (iii) Malaikat menjalankan tanggungjawab tanpa diberi balasan ( dosa/pahala ) manakala manusia mendapat pahala atau dosa bagi setiap tindakan mereka.
- (iv) Malaikat merupakan makhluk Allah SWT yang dijadikan daripada ( tanah/cahaya ) dan sentiasa taat perintah-Nya.

[4 markah]

Beriman kepada malaikat akan mendorong seseorang murid untuk berusaha gigih dalam pelajaran sehingga memperoleh kejayaan.

(c) Berikan pandangan anda berdasarkan pernyataan di atas.

---

---

---

---

[4 markah]

(d) Pilih nama malaikat yang betul dengan tugasnya di bawah.

|       |        |         |      |        |
|-------|--------|---------|------|--------|
| Rakib | Mikail | Jibrail | Atid | Izrail |
|-------|--------|---------|------|--------|

- (i) Menyampaikan wahyu kepada para rasul.  
Jawapan: \_\_\_\_\_
- (ii) Menguruskan rezeki, menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman.

- Jawapan: \_\_\_\_\_
- (iii) Mencabut nyawa semua makhluk yang bernyawa.

- Jawapan: \_\_\_\_\_
- (iv) Mencatat amalan jahat manusia.

- Jawapan: \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan **dua** sifat malaikat yang berbeza dengan sifat manusia.

---

---

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** hikmah beriman kepada malaikat.

---

---

---

---

[4 markah]

---

**Bahagian D**  
**Fiqah**

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 4 (a) (i) Nyatakan maksud solat berjemaah.

---

---

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** adab mendengar khutbah Jumaat.

---

---

[4 markah]

Umat Islam dituntut melaksanakan fardu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan.

- (b) Tulis ( Solat Jumaat ) pada pernyataan yang berkaitan dengan solat Jumaat dan ( Solat Berjemaah ) pada pernyataan yang berkaitan dengan solat berjemaah.

- (i) Bilangan jemaah mestilah sekurang-kurangnya 40 orang.

- (ii) Boleh dilakukan di masjid atau di mana-mana tempat.

- (iii) Fardu kifayah bagi komuniti masyarakat setempat.

- (iv) Didahului dengan dua khutbah.

[4 markah]

Solat berjemaah dapat mengeratkan ukhuwah.

- (c) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

---

---

---

---

[4 markah]

- (d) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah berkaitan hikmah disyariatkan tayamum.

| No.   | Pernyataan                                                                            | (✓) atau (✗) |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| (i)   | Menjaga kesucian dan kemuliaan agama kerana melaksanakan solat dalam apa jua keadaan. |              |
| (ii)  | Menghindari sebarang bentuk kemudaratan terhadap anggota badan.                       |              |
| (iii) | Menunjukkan Islam membebaskan umatnya dalam melakukan ibadat tertentu.                |              |
| (iv)  | Tayamum boleh menyebabkan seseorang itu malas menunaikan ibadat.                      |              |

[4 markah]

- (e) Terangkan **dua** perkara yang membatalkan tayamum.

---

---

[2 markah]

### Bahagian E Sirah dan Akhlak

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 5 (a) (i) Nyatakan **dua** strategi dakwah Rasulullah SAW secara terang-terangan.

---

---

[2 markah]

- (ii) Jelaskan hikmah strategi dakwah Rasulullah SAW secara terang-terangan.

---

---

[2 markah]

- (b) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

| Sayidatina Khadijah |              |  |
|---------------------|--------------|--|
| (i)                 | Gelaran      |  |
| (ii)                | Keturunan    |  |
| (iii)               | Tarikh wafat |  |

[3 markah]

- (c) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah berkaitan strategi dakwah Rasulullah SAW.

| No.   | Pernyataan                                                                                      | (✓) atau (✗) |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| (i)   | Rasulullah SAW melaksanakan dakwah secara sulit terlebih dahulu.                                |              |
| (ii)  | Penentangan masyarakat Quraisy terhadap dakwah Rasulullah SAW kerana faktor akhlak baginda.     |              |
| (iii) | Rasulullah SAW mengadakan jamuan seluruh keluarga Bani Mutalib untuk menyampaikan ajaran Islam. |              |

[3 markah]

- (d) (i) Nyatakan maksud malu menurut istilah.

---



---

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** sifat malu yang dituntut berserta contoh.

---



---



---



---

[4 markah]

Media sosial adalah antara penyumbang utama berlakunya keruntuhan sesebuah institusi keluarga pada masa kini.

- (e) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

---



---



---



---



---

[4 markah]